KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	14/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPNK			

Segera atasi masalah pencerobohan hutan

BH, 14 Sept 2021 24

Georgetown: Kerajaan Kedah dan Jabatan Perhutanan digesa mengambil tindakan tegas mengatasi masalah pencerobohan hutan simpan di negeri itu yang dilaporkan serius ketika ini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata keadaan itu menimbulkan kebimbangan kerana ia bukan saja memusnahkan biodiversiti kawasan hutan terbabit, tetapi boleh mencetuskan bencana alam dan menjejaskan kehidupan penduduk.

Beliau turut menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat segera pencerobohan terbabit bagi mengenal pasti sama ada terdapat unsur rasuah dalam isu berkenaan.

"Kita hairan bagaimana aktiviti itu boleh berlaku dalam tempoh begitu lama membabitkan kawasan hutan simpan yang luas tanpa tindakan segera dan berkesan diambil mana-mana pihak berkaitan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan kenyataan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Muhamad Abdullah mengenai kira-kira 3,500 hektar hutan simpan di negeri itu diteroka secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak 10 tahun lalu.